



Kereta yang ditenggelami air di sekitar kampus UIAM. Gambar kanan, kampus yang dinaiki air sedalam 60 sentimeter susulan hujan lebat selama satu jam, semalam.

[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]



Dua blok asrama UIAM dinaiki air

» Sistem perparitan tak diselenggara punca banjir

Oleh Muhammad Mustakim

Ramli

bhnews@bh.com.my

► Gombak

Penuntut Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) cemas seketika, apabila dua blok asrama di kampus induknya di sini, dinaiki air sedalam 60 sentimeter susulan hujan lebat selama satu jam, semalam.

Hujan berterusan bermula jam 3 petang itu juga mengakibatkan beberapa jalan utama dalam kampus dinaiki air yang mengakibatkan hampir 10 kenderaan ditenggelami air.

Pelajar yang enggan dikenali berkata, hujan lebat itu mengakibatkan 16 bilik di tingkat bawah di blok D dan E Marhallah Uthman dinaiki air.

"Bangunan ini berdekatan dengan anak sungai. Air mencecah paras lutut... tapi sekejap saja, 15 minit air kembali surut," katanya ketika dihubungi, malam tadi.

Pelajar jurusan kejuruteraan, Amirul Al Hafiz Abdul Hamid, 24, ketika ditemui berkata kejadian itu menyebabkan kereta PROTON Satria miliknya rosak akibat ditenggelami air.

"Saya berada dalam makmal ketika kejadian berlaku. Panik mendengar suasana riuh rendah, saya bergegas keluar dan terkejut mendapati kereta di kawasan parkir ditenggelami air.

"Melihat keadaan kereta, saya tidak berani berbuat apa-apa kecuali menunggu air surut," katanya.

Sumber Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, berkata punca kejadian itu dipercayai berpunca daripada sistem perparitan yang tidak diselenggara di kawasan berdekatan.

"Kejadian dipercayai berpunca daripada sistem perparitan tidak diselenggara di projek pembangunan di kawasan berdekatan kampus.

"Ia menyebabkan paras air meningkat setinggi tiga meter. Bagaimanapun, tiada kerosakan rumah atau kemalangan jiwa dilaporkan berlaku," katanya.

Tak jejas operasi

Sementara itu, jurucakap Bahagian Komunikasi Korporat UIAM berkata kejadian berkenaan tidak menjejaskan operasi harian universiti termasuk penuntut yang sedang menduduki peperiksaan semester.

"Banjir kilat pulih sepenuhnya selepas 30 minit. Hujan lebat berterusan menyebabkan air memasuki kawasan UIAM tetapi kejadian ini paling buruk," katanya.

Sementara itu, dalam kejadian berasingan sebuah rumah rosak akibat tanah runtuh di Kampung Sungai Cincin, malam tadi.

Penolong Pengarah Operasi



Air sungai yang menjadi punca banjir di kampus UIAM, semalam.

Bomba Selangor, Mohd Sani Harul, ketika dihubungi berkata, kejadian yang berlaku lima kilometer dari UIAM itu disebabkan hujan lebat.

"Kita menerima panggilan pada jam 8.10 malam, setibanya di lokasi kejadian, kita mendapati hanya 10 peratus kerosakan berlaku pada rumah berkenaan. Bagaimanapun, tiada mangsa yang terbabit dalam kejadian itu," katanya.



Kereta ditenggelami air berikutan hujan lebat sekitar jam 3.30 petang di UIAM, semalam.

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]